



## KENYATAAN MEDIA

---

### ALOR GAJAH COOP RUN 2020

---

**ALOR GAJAH, 11 Januari 2020** : YB Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, Menteri Pembangunan Usahawan telah merasmikan Program *Alor Gajah Coop Run 2020* yang julung-julung kalinya diadakan di Dataran Keris, Alor Gajah Melaka pada 11 Januari 2020 (Sabtu). Acara larian koperasi ini dianjurkan oleh agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia, dengan kerjasama Majlis Perbandaran Alor Gajah, Institut Koperasi Malaysia (IKM), Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad, Angkatan Koperasi Kebangsaan (ANGKASA) dan Coopbank Pertama (CBP).

Program *Alor Gajah Coop Run 2020* atau AGCR 2020 merupakan Program Larian Komuniti bagi mempromosikan gerakan koperasi dengan penglibatan pelbagai peringkat komuniti di Negeri Melaka untuk melibatkan diri di dalam aktiviti sihat dan sukan. Terdapat 3 kategori larian iaitu *Fun Run* (5KM), *Veteran* (3KM) dan *Family Run* (3KM) yang terbuka kepada lelaki, wanita dan keluarga daripada pelbagai peringkat umur.

Program yang bermula seawal jam 7.30 pagi dan berakhir pada jam 12.00 tengah hari ini, berjaya mencatatkan kehadiran lebih 2,000 orang pengunjung. Selain itu, pelbagai pengisian turut ditawarkan seperti pemeriksaan kesihatan bagi peserta dan orang awam, jualan Barang Asas (BA100), pameran *booth* agensi Kerajaan, *food truck* dan sebagainya.

YB Datuk Seri Redzuan Mohd Yusof juga turut menyatakan bahawa pada tahun 2020, MED akan terus memberi fokus untuk memperkasakan dan membudayakan koperasi dalam segenap lapisan masyarakat. Dalam menterjemahkan peranan MED membantu Kerajaan untuk menangani kos sara hidup, MED akan terus memperkasakan peranan koperasi dan memanfaatkan Program BA100 untuk membantu rakyat.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

**11 JANUARI 2020**